

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data dan statistik pengambilan vaksin oleh golongan imigran dan pendatang asing yang menetap di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 28 Oktober 2021, seramai 3,066,716 golongan imigran dan pendatang asing yang menetap di Malaysia atau 12.9 peratus dari populasi dewasa di negara ini sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin, manakala 2,466,976 atau 80.4 peratus dari golongan ini sudah menerima suntikan dos lengkap vaksin bagi 1 dos lengkap vaksin bagi Cansino dan 2 dos lengkap vaksin bagi jenis Pfizer dan Sinovac.

2. Golongan imigran dan pendatang asing dari Indonesia adalah merupakan golongan yang tertinggi sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin iaitu seramai 1,131, 993 atau 36.9 peratus daripada jumlah keseluruhan golongan imigran dan pendatang asing yang telah disuntik dos vaksin. Diikuti dengan warga Bangladesh seramai 662,145 atau 21.6 peratus dan warga Filipina seramai 353,904 atau 11.5 peratus yang telah menerima dos suntikan vaksin.

Sekian terima kasih.